



**LEE SHENG CHOW**

## **JEJAK-JEJAK KEMENANGAN**

*Oleh: Mohd Ghazali Tocheh*

HAKIKAT mengatakan bahawa setiap individu berhak mengecap bahagia hidup di dunia ini sukar diterimanya dengan bulat hati. Kecacatan penglihatan yang dialaminya ketika dirinya sudah muda belia ketara terlalu pahit untuk ditelannya. Harapannya untuk menikmati kemanisan hidup di alam serba indah ini jauh panggang dari api. Namun ekoran pertembungannya dengan sekumpulan orang cacat penglihatan, sumbu kehidupannya kembali bercahaya dan menyala. Dia kembali menghargai diri dan kehidupannya sepenuhnya. Bertolak daripada situ, dia mula mengorak langkah membelahi kegelapannya meneroka hidup baru. Sinar yang baru terbit di hati dijadikannya penyuluh dan pengesan untuknya memburu kebahagiaan hidup sedaya boleh. Kecemerlangan yang terselindung di sebalik kewibawaannya turut menyinar dan memantul

cahaya gemilauan ukiran namanya di persada dunia.

Lee Sheng Chow dilahirkan pada 13 Februari 1954 di Kuala Lumpur dan keluarganya tinggal menetap di Salak South, Kuala Lumpur. Dia anak keempat daripada 6 orang adik-beradik. Ayahnya seorang Pegawai Mekanikal, Public Works Department, Kuala Lumpur dan ibunya pula peniaga runcit di Pasar Salak South. Dia mendapat pendidikan awal di English Primary School I, Pasar Road, Kuala Lumpur di antara tahun-tahun 1960 - 1965. Selepas menamatkan persekolahannya di situ, bermula tahun 1966 dia meneruskan pelajarannya di English Secondary School, Cheras Road, Kuala Lumpur sehingga tamat Tingkatan Lima. Di dalam peperiksaan Malaysian Certificate Of Education (MCE) yang didudukinya pada tahun 1970, dia hanya berjaya meraih keputusan General Certificate of Education (GCE) di peringkat peperiksaan tersebut.

Berbekalkan kelulusan tersebut, pada tahun 1974 dia memohon dan diterima masuk ke Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kuala Lumpur. Di institut itu dia ditawarkan menduduki Pengajian Kejuruteraan Mekanikal selama 4 tahun. Selepas setahun berlalu, dia ditawarkan dan menerima biasiswa yang diberikan oleh Malayan Grewery Pudu, Kuala Lumpur yang sedia menaja pengajiannya sepenuhnya selama di ILP. Baru sahaja menamatkan tahun kedua pengajian dan ketika umurnya lebih kurang 21 tahun, dia dilanda masalah penglihatan dan sakit mata. Dia terpaksa berulang-alik dan menerima rawatan berterusan selama 2 tahun di Klinik Mata, Hospital Universiti Malaya (HUM), Petaling Jaya. Ekoran kegagalannya mengikuti pengajian selama menerima rawatan, biasiswa yang diterimanya telah ditarik balik oleh pihak yang menajanya.

Akibat pendarahan di dalam urat kedua-dua matanya yang berpanjangan buat beberapa lama, pada tahun 1977 doktor telah mengesahkan bahawa kedua-dua matanya sudah menjadi buta dan tidak dapat diselamatkan lagi. Dia benar-benar kecewa dan tertekan setelah menerima

pengesahan tersebut. Bukan cita-citanya untuk menjadi seorang Jurutera Elektrik sahaja sudah musnah, masa depan dan hari mukanya juga turut berkecai. Hidupnya lambat-laun bakal disisihkan rakan-rakan sebaya dan masyarakat lantaran kecacatan yang dialaminya. Lambat-laun juga setiap anggota keluarganya turut mengetepikannya disebabkan dia bakal menyusah dan membebankan mereka walaupun masing-masing terlalu sedih dan simpati dengan untung nasib yang dialaminya.

Walaupun penglihatannya sudah tiada harapan lagi untuk dipulihkan, dia terus berulang-alik ke HUM untuk menerima rawatan lanjut. Di sepanjang berulang-alik itulah, dia terserempak dengan sekumpulan orang buta yang datang ke HUM untuk mendapatkan rawatan. Melalui sesi perbualannya bersama mereka, dia mendapat informasi bahawa wujudnya pusat latihan bagi melatih dan memberi kemahiran tertentu pada orang-orang buta sebagai persediaan memasuki pasaran kerjaya. Sebilangannya terdiri daripada mereka yang buta setelah dewasa akibat penyakit atau kemalangan. Bukan mereka yang buta sejak dilahirkan sahaja, mereka yang buta sesudah dewasa dan berjaya cemerlang menamatkan latihan masing-masing dijamin beroleh kerjaya sejajar dengan latihan kemahiran yang diterima. Dia juga menerima maklumat bahawa sudah ramai di kalangan orang-orang buta terlatih dan berkemahiran berkhidmat sebagai Stenographer (Jurutrengkas), Telefon Operator dan Operator Pengeluaran di agensi-agensi kerajaan, swasta dan di kilang-kilang.

Maklumat-maklumat yang diterimanya benar-benar merangsang semangat dan menyakinkannya untuk membina hidup baru. Apabila diusulnya lebih lanjut dengan pihak-pihak tertentu, dia turut menerima pengesahan serupa malahan berjaya pula membuktikan kebenaran padanya. Walaupun belum sesaat berada di pusat latihan yang digambarkan padanya, dia amat percaya bahawa institusi itu mampu menyerikan kembali hidupnya. Barulah disedarinya bahawa hidupnya selama lebih kurang 3 tahun yang penuh dengan sedih dan muram berlalu sia-sia begitu sahaja.

Pada tahun 1978 pihak perubatan HUM mengeluarkan dokumen sokongan supaya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat berkaitan segera menghantarnya ke Pusat Latihan Gurney (GTC), Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur. Dia telah diterima masuk ke GTC pada tahun 1979 dan memilih Kursus Telefonis untuk latihan pemulihan dan kemahirannya selama berada di situ. Walaupun kursus utamanya Telefonis dan disebabkan banyak waktunya yang terluang, dia ambil peluang terbuka itu dan mengisikannya dengan mengikuti setiap kursus yang disediakan di GTC.

Dia bukan sahaja membuat bakul berbagai jenis yang dianyam daripada rotan halus, dia juga turut belajar dan memahirkan dirinya di bidang mencatat trengkas Braille dan menaip, mengenal, menulis dan membaca Braille dan juga bidang urut dan refleksologi. Pada setiap petang selepas waktu latihan berakhir, dia bergiat pula di bidang bina badan yang khusus disediakan untuk pelatih-pelatih GTC yang meminatinya. Bukan logistik sahaja, Jurulatih Bina Badan bertauliah turut disediakan khusus melatih dan membimbing mereka. Dia juga bergiat aktif di bidang renang yang dikendalikan oleh jurulatih berkenaan seminggu sekali di Pusat Renang dan Akuatik terpilih. Teknik menggunakan tongkat putih secara betul tatkala berada di atas jalan raya turut dipelajarinya dengan tekun dan sabar. Untuk memahirkan diri dan lebih yakin lagi semasa berada di atas jalan raya, dia lebih banyak mengikut rakan-rakan senasib pergi bersiar-siar di lokasi-lokasi strategik dan tumpuan umum di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Selain daripada kursus utamanya diberikannya prioriti di samping mengisi masa lapang dengan berbagai kegiatan di GTC, dia turut menumpukan perhatian istimewanya pada bidang Urut dan Refleksologi serta Bina Badan.

Berakhir sahaja tempoh latihannya selama setahun dan pada tahun 1980 ketika umurnya lebih kurang 26 tahun, dia meninggalkan GTC bersama sejuta harapan di genggamannya. Di dalam GTC lagi dia sudah merancang strategi untuk hidup berdikari dan mengelakkan dirinya daripada membebani keluarga. Langkah pertama yang diambilnya sudah tentulah memohon pekerjaan sesuai di mana-mana agensi swasta dan sektor awam kerajaan. Dia juga ambil keputusan

muktamad hidup berdikari dan tinggal menyewa bilik bersama rakan-rakan senasib seiringan. Untuk menyara hidup seharian sementara menunggu beroleh pekerjaan tetap, dia dan rakan-rakan berjualan produk-produk makanan ringan seperti berbagai jenis kacang, biskut dan buah-buahan di dalam kotak dari setempat ke setempat. Produk-produk itu dibekalkan rakan senasib yang jadi pengedarnya. Atas dasar saling percaya-mempercayai dan bantu-membantu sesama rakan, dia dan rakan-rakan yang berjualan dibenarkan mengambil dan menjual sehingga habis terlebih dahulu produk-produk yang dibekalkan. Setiap kali produk-produknya habis dijual, dia segera melunaskan setiap kos yang terlibat pada pengedar untuk menjamin bekalan konsisten diterimanya setiap kali dia memerlukan.

Di dalam kerencakannya menjalankan kegiatan berjualan itu, dia ditawarkan jawatan Telefonis di salah sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Mendapati gaji yang bakal diterimanya lebih sedikit RM300.00 sebulan berbanding pendapatannya berjualan lebih RM3,000.00 sebulan ketika itu maka tawaran itu ditolaknya sopan. Walau bagaimanapun, tawaran kerja sebagai Juruurut dan Refleksologi di salah sebuah pusat urut di Bukit Bintang diterimanya baik selepas dia dan bakal majikannya itu berbincang dan mencapai kata sepakat. Di samping pendapatannya di antara RM1,300.00 hingga RM1,500.00 sebulan, bakal majikannya itu memintanya bertugas bermula sejak awal petang sehinggalah ke pukul 10.00 malam setiap hari bekerja. Dengan erti kata lain, kegiatannya berjualan tetap berterusan namun terhad di sebelah pagi sebelum ke tempat kerja.

Selepas beberapa lama berkhidmat di pusat urut Bukit Bintang yang berkenaan, dia memohon menjadi juruurut bebas daripada majikannya dan dibenarkan. Dia akan hanya dipanggil majikan apabila khidmatnya dikehendaki. Tindakan itu diambilnya setelah menyedari khidmatnya sudah jarang-jarang diperlukan oleh majikannya. Serentak itu pula pendapatannya daripada berjualan produk-produk makanan ringan bertambah lumayan berikutan tindakannya bersama rakan-rakan meluaskan operasi mereka ke seluruh negara.

Sambil itu perancangannya untuk menjadi pembekal produk-produk serupa yang bakal dijual rakan-rakan senasib yang semakin bertambah bilangannya dari semasa ke semasa mula diambilnya tindakan. Melalui dan bantuan kenalannya di Singapura, dia memberanikan diri mengimport ratusan kotak produk-produk tersebut dari Negara China. Sehubungan itu, dia terpaksa melaksanakan kerja-kerja pembungkusan terlebih dahulu sebelum produk-produk itu dapat dibekalkan untuk maksud jualan. Untuk menjaminkan produk-produknya laris dan kompetitif di pasaran, kerja-kerja pembungkusan dipusatkannya di rumah keluarganya sendiri di Salak South. Setiap ahli keluarganya pula sentiasa mendorong dan bersedia membantunya merealisasikan segala yang bermanfaat dan memberi kepuasan padanya. Bagi menentukan pembungkusan produk-produk dagangannya berkualiti, menarik dan berdaya saing di pasaran, dia membeli mesin khas untuk memudah dan melancarkan lagi kerja-kerja pembungkusan. Bilik sewaan di Brickfields dijadikannya sentralisasi produk-produk yang sudah siap dibungkus dan sedia dibekalkan pada rakan-rakan senasib yang berjualan. Ambil dahulu dan jual sampai habis kemudian bayar, itulah kaedah yang dipraktikkan untuknya melariskan produk-produk dagangannya. Produk-produk dagangannya tidak terbatas di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja, malahan turut berlegar dan dipasarkan rakan-rakannya ke seluruh negara.

Dia bercita-cita besar. Dia mahu membuka perniagaan sendiri yang lebih berwibawa, berprestij dan mampu menjamin kebahagiaan hidupnya di hari muka. Jenis perniagaan apa yang bakal dijalankannya, dia belum sedia memikirkannya dengan serius. Untuk menjelmakan impiannya yang berkobar-kobar itu, dia memerlukan wang yang banyak. Selagi jumlah wang yang diperlukannya belum diraih, dia akan terus mengumpulnya sebagai dana bakal dijadikannya modal memenuhi idaman. Bila ada orang mencemuhnya manusia kedekut, itu bukan faktor yang menyekat usahanya mengumpul dana. Kalau diakui ramai bahawa air tebu itu cukup enak diminum, dia lebih rela meminum air kosong untuk menghilangkan dahaga demi menjimatkan belanja.

Matlamatnya mengumpul dana mula tergugat. Gaya perniagaan yang diamalkannya

mula mendapat saingan. Bukan di kalangan rakan senasib sahaja, di kalangan orang-orang celik yang menjalankan perniagaan serupa turut menyainginya sengit. Dia hanya berupaya membawa masuk ratusan kotak produk-produk dagangannya, sedangkan mereka yang celik mampu mengimport hingga kapasiti sebuah kontena banyaknya. Nyata padanya keupayaannya untuk bersaing kian hari semakin lemah. Berikutan itu dia segera bertindak mencari alternatif lain untuk menjayakan cita-citanya.

Atas nasihat, saranan dan galakan Encik Chow Hock Seng teman karibnya, dia memberanikan diri membuka perniagaan di bidang Urut dan Refleksologi. Teman karibnya itu pernah membimbing dan melatihnya di bidang tersebut selama dia menjalani latihan di GTC. Teman karibnya sedia dan berjanji membantunya sedaya boleh membangun dan memajukan perniagaannya. Di samping ciri-ciri sedia menangis dan ketawa bersama-sama, kepakaran teman karibnya di bidang tersebut sememangnya sudah terbukti. Teman karibnya pernah mendapat latihan di bidang tersebut pada tahun 1972 selama setahun di Negara Taiwan. Teman karibnya juga turut pernah berkhidmat sebagai Jurulatih Urut dan Refleksologi selama 10 tahun di GTC. Dia melaburkan lebih RM70,000.00 untuk mengambil alih unit 4A (premis bahagian belakang - back portion), Jalan Tambi Pillai, Brickfields, Kuala Lumpur untuk dijadikan pusat urut dan refleksologi perniagaannya. Kalau tidak keterlaluan, dia merupakan orang buta pertama membuka perniagaan urut dan refleksologi di Malaysia.

Serentak kerja-kerja ubahsuai ruang rancak berjalan, serentak itu pula dia memohon lesen berkaitan daripada pihak berkenaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Andaiannya sendiri bahawa lesen bakal diterimanya daripada pihak DBKL sebaik sahaja segala persediaan selesai diurus dan disempurnakannya. Namun segala-galanya berlaku di sebaliknya. Walaupun kerja-kerja ubahsuai selesai disempurnakan, dia tetap gagal memulakan operasi perniagaannya. Kebenaran (lesen) berkaitan yang dinanti-nantikannya daripada pihak DBKL tinggal harapan cuma. Namun dia tetap dengan keputusannya. Tanpa hebahan pada ramai dan berasaskan premis itu adalah kediamannya sendiri, dia tetap meneruskan operasi urut dan

refleksologi perniagaannya secara tidak rasmi. Disebabkan tiada perisytiharan dan penerangan terbuka pada umum, imbuhan yang diraihnya bagi tempoh 6 bulan pertama setelah beroperasi langsung tidak menggalakkan dan amat mendukacitakannya.

Pada Bulan April, 1984 dia mendaftarkan perniagaannya dengan Pendaftaran Perniagaan (Registration of Business) atas nama Pusat Urut Tradisional PB, 4A, Jalan Tambi Pillai, Brickfields, Kuala Lumpur. Beberapa bulan selepas itu barulah pihak DBKL mengeluarkan lesen untuknya beroperasi secara sah. Untuk menghebahkan jenis perniagaannya dimedia massa, dia memerlukan wang ribuan ringgit sebulan. Namun selepas berbincang dengan kesemua media cetak semasa, mereka bersetuju menyiar dan mengiklankan perniagaannya di media masing-masing terlebih dahulu dan dia dikehendaki membayarnya secara beransur-ansur. Komitmen semua media cetak itu amat dihargai dan dia amat berterima kasih. Walau bagaimanapun, selepas 6 bulan hebahan dibuat di media dan kosnya sudah meningkat ke angka RM20,000.00, keberkesanannya tidak sebagaimana yang disasarkan. Ekoran itu dia meminta pihak berkenaan menghentikan siaran dan pengiklanan perniagaannya di media masing-masing.

Tuhan amat sayang pada setiap makhlukNya yang rajin bekerja, berusaha keras, tabah, cekal, sabar dan tidak mudah mengalah pada ketewasan. Disebabkan perjuangannya berterusan dan di saat-saat dia amat-amat memerlukan bantuan, prestasi perniagaannya mula membangun dan berkembang beransur-ansur. Selepas setahun berlalu, dia menghela nafas lega apabila menyedari pusat urutnya jadi tumpuan ramai. Kalau di peringkat awal hanya dia dan teman karibnya, sesudah 3 tahun perniagaannya beroperasi dia menambah Juruurutnya menjadi 5 orang berasaskan keperluan. Setelah kedudukan kewangan perniagaannya kembali kukuh, segala hutang-piutangnya dengan pihak media dilunaskannya beransur-ansur.

Pada tahun 1986 sesudah kedudukan kewangannya benar-benar mantap, dia melebarkan sayap perniagaannya ke Bandar Klang, Selangor dan menempatkan 3 Juruurut di situ. Namun belum pun setahun berlalu, operasi cawangannya terpaksa ditutup disebabkan kekurangan



pelanggan. Ekoran terdapatnya ruang bersesuaian di Jalan Raja Laut (bersebelahan Hotel Plaza), dia memindahkan kesemua logistik operasi perniagaannya di Bandar Klang ke situ. Di cawangannya yang baru itu dia memulakan operasinya pada awal tahun 1987 dan 3 orang Juruurut ditempatkan di situ. Dia mengharapkan agar prestasi perniagaannya di situ turut berkembang seperti yang dialami pusat urut utamanya di Brickfields. Walaupun pada awalnya sambutan pelanggan menyakinkan, namun selang beberapa lama ke hadapan pasaran perniagaannya di cawangannya di Jalan Raja Laut mulai suram dan muram. Mendapati arus perniagaannya kian lesu, dia ambil keputusan menutupnya total.

Berikutan itu dia menumpukan sepenuh perhatian dan tenaganya pada pusat urutnya yang utama di Brickfields. Mendapati pertambahan pelanggan semakin rancak, dia ambil keputusan membeli dan mengambil alih unit depan (front portion unit), tingkat 2 di bangunan yang sama. Semua logistik daripada cawangannya yang sudah ditutup di Jalan Raja Laut dipindahkannya di premis yang baru itu dan memulakan operasinya pada tahun 1989. Disebabkan pelanggan yang memerlukan perkhidmatan bertambah ramai dengan aktifnya, pada tahun 1992 dia menambah lagi ruang operasi perniagaannya dengan membeli dan mengambil alih unit premis depan (front portion unit), tingkat 1 di bangunan yang sama. Sehingga sekarang dia sudahpun memiliki 3 unit premis untuk memasarkan perkhidmatan perniagaannya pada pelanggan.

Di dalam masa yang sama (awal tahun 1990an), perniagaannya mula mendapat saingan. Ketika itu sudah ramai rakan senasib yang membuka perniagaan serupa di sekitar Brickfields. Untuk menjaminkan perniagaannya sentiasa konsisten, dia terus menambah-baik dan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatannya dari semasa ke semasa. Di samping membekalkan input-input berguna pada setiap Juruurutnya, dia juga sentiasa memastikan dirinya memiliki ilmu pengetahuan, kebolehan, kemahiran dan kepakaran berterusan sejajar dengan perkembangan perniagaan yang dikendalikannya.

Sehingga sekarang Pusat Urut Tradisional PB, No. 4, Jalan Tambi Pillai, Brickfields, Kuala Lumpur miliknya sudah pun beroperasi selama 21 tahun bermula tahun 1983. Sehingga kini dia sudah mempunyai 29 unit katil dan 33 orang Juruurut (kesemuanya cacat penglihatan) terdiri daripada 20 lelaki dan 13 perempuan yang berkhidmat di pusat urutnya. Kesemua Juruurut itu diujinya terlebih dahulu sebelum mereka diambilnya berkhidmat secara tetap. Sebagai Juruurut Tetap, dia sentiasa menentukan mereka meraih pendapatan bersesuaian setiap bulan. Sejauh ini kesemua Juruurut yang berkhidmat di pusat urutnya berpuas hati dengan pendapatan bulanan yang masing-masing terima. Di samping itu, dia juga mempunyai 7 kakitangan sokongan yang membantu operasi perniagaannya di dalam segala aspek supaya terus berjalan lancar dan efektif.

Apabila diimbaunya semula pada dirinya setelah buta, ketara padanya dia tidak hidup sengsara dan menderita sendirian. Setiap ahli keluarganya sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan perkembangan dirinya. Selama dia menjalani latihan di GTC, dia tidak pernah sepi daripada kunjungan ahli keluarganya. Mereka sentiasa memberi harapan, dorongan, galakan dan membantunya menjurus membina hidup baru yang lebih menyakinkannya. Mereka sedia mengorbankan wang ringgit dan masa ke hala membantunya merealisasikan apa sahaja yang difikirkannya terbaik untuk hidup dan hari mukanya. Setelah kehidupannya terbukti berjaya, mereka merupakan orang pertama menghargai setiap perjuangan dan meneladaninya. Dia pula amat gembira dengan kebolehan dan kemampuannya di samping dengan kejayaannya itu terbukti dia tidak membebankan malahan boleh membantu keluarga setiap kali mereka memerlukannya. Paling tidak dapat dilupakan dan amat-amat dihargainya adalah pada didikan, bimbingan, budi dan jasa-jasa teman karibnya Encik Chow Hock Seng yang membawanya bertapak di mercu kejayaan kini. Kerana cetusan idea, galakan dan dorongannyalah maka dia benar-benar berjaya merealisasikan cita-citanya. Dia amat terharu dan bersyukur kerana teman karibnya itu sanggup rebah dan bangun bersama-samanya sejak perniagaannya mula ditaja sehinggalah sudah unggul dan cemerlang kini. Pada rakan-rakan senasib dia turut berterima kasih kerana sedikit sebanyak mereka turut membantu kejayaan hidupnya di hari ini.

Dia mendirikan rumahtangga pada 1 Oktober 1988 dengan Gan Mooi Hong, gadis senasib (Kategori B2) dari Tampin, Negeri Sembilan. Hasil perkongsian hidup, mereka dianugerahkan seorang puteri yang kini berusia 11 tahun. Walaupun puteri mereka tergolong di dalam Warga Istimewa (spastik), dia dan isterinya terlalu menyayanginya. Puterinya itu bukan sekadar penyambung kasih malahan permata perjuangan dan kejayaan hidup yang mereka tempa dan kecapi nikmatnya sehingga kini. Di samping itu pula isterinya sentiasa menggalakkannya berusaha dan bekerjasama ke hala mempertingkatkan kehidupan sejak mereka hidup sebumbung sehinggalah kini. Kerana cinta, kasih dan sayang pada rumahtangga yang mereka bina, isterinya sanggup meninggalkan kerjayanya di luar dan menjadi suri rumahtangga sepenuh masa. Dia juga sudah membeli rumah sendiri di A-0806, Palm Court, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, Kuala Lumpur yang jadi mahligai dan lambang kebahagiaan hidup mereka sekeluarga.

Walaupun sibuk dengan perniagaan dan punya tanggungjawab besar pada keluarga, dia masih berkesempatan untuk bersukan. Semasa celiknya dia sememangnya kurang minat di dalam apa juga acara sukan. Namun sejak dia menjadi buta, keadaannya berubah di sebaliknya pula. Berasaskan falsafah badan yang sihat mampu menjana minda yang bernas dan disebabkan pergerakannya tidak setangkas sewaktu celik, dia berkeyakinan penuh bahawa dengan bersukan sahaja segalanya mampu diraih. Acara-acara Bina Badan dan Renang mula diminatinya semasa dia menjalani latihan di GTC lagi. Bagi meneruskan kecenderungannya itu, di pusat urutnya sendiri disediakan ruang khas yang dilengkapinya dengan semua logistik secukupnya untuk kemudahannya dan mereka yang berkhidmat dengannya dan berminat pula dengan aktiviti bina badan.

Sambil itu sempat juga dia menguji kebolehan dan kemampuannya di dalam acara-acara sukan olahraga Lontar Peluru dan Lempar Cakera. Untuk maksud mengenalpasti, di dalam tahun 1983 dia menyertai Pesta Sukan Orang Cacat Malaysia Peringkat Kebangsaan di Kuala

Lumpur. Dia berjaya meraih Pingat Emas di dalam kedua-dua acara tersebut di pesta sukan berkenaan. Untuk menguji sejauh mana kemampuannya yang sebenar di dalam kedua-dua acara sukan itu, di sepanjang tahun 1980an dia memberanikan dirinya bersaing dengan atlit-atlit celik di Pesta Sukan Terbuka Selangor dan di Pesta Sukan Terbuka Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur beberapa kali. Walaupun tidak kesemua penyertaannya mendatangkan hasil, namun ada tahun-tahunnya dia berjaya mengukir nama di dalam senarai atlit-atlit yang berjaya merangkul pingat di dalam acara-acara Lontar Peluru dan Lempar Cakera.

Persaingannya di dalam acara-acara sukan tersebut tidak terhenti di peringkat kebangsaan dan setempat sahaja. Kemampuan dan kebolehannya turut diuji hingga melayakkannya bersaing di arena sukan serantau dan antarabangsa. Hampir kesemua temasya Sukan Paralimpik 4 tahun sekali di serata dunia disertainya. Walaupun prestasi pencapaiannya gagal merangkul sebarang pingat, namun dia berjaya menempatkan dirinya sebagai 10 peserta terbaik di dalam acara-acara kegemarannya di setiap temasya sukan paralimpik tersebut. Pada Paralympic Seoul, Korea Selatan yang diadakan pada bulan Oktober, 1988, dia berjaya mendapat kedudukan keempat bagi acara Lontar Peluru dan kelima bagi acara Lempar Cakera. Pada Paralympic Barcelona, Sepanyol pada tahun 1992 dia berjaya meraih tempat keempat bagi acara Lontar Peluru dan kelima bagi acara Lempar Cakera. Dia mendapat tempat keempat bagi acara Lontar Peluru dan keenam bagi acara Lempar Cakera di Paralympic Atlanta, Amerika Syarikat yang diadakan pada tahun 1996. Pada tahun 2000 di Paralympic Sydney, Australia, dia berjaya menduduki tempat kelima bagi acara Lontar Peluru dan keenam bagi acara Lempar Cakera.

Walau bagaimanapun di temasya sukan Far East South Pacific International Games (FESPIC GAMES) dia berjaya mengukir nama sebagai peserta yang merangkul pingat. Pada tahun 1986 di FESPIC GAMES Jogjakarta, Indonesia, dia berjaya meraih Pingat Emas bagi acara Lontar Peluru, Pingat Perak bagi acara Lempar Cakera dan Pingat Emas juga bagi acara renang. Di FESPIC GAMES Kobe, Jepun pada tahun 1989 dia berjaya menggondol Pingat

Emas bagi acara Lontar Peluru dan Pingat Perak bagi acara Lempar Cakera. Di FESPIC GAMES Beijing, China pada tahun 1994, dia berjaya merangkul Pingat Perak untuk acara Lontar Peluru dan Pingat Perak juga bagi acara Lempar Cakera. Di FESPIC GAMES Bangkok, Thailand pada tahun 1998 dia sekali lagi berjaya merebut Pingat Perak di dalam acara Lontar Peluru dan Pingat Gangsa di dalam acara Lempar Cakera. Pada tahun 2002 di FESPIC GAMES Busan, Korea Selatan dia berjaya meraih Pingat Gangsa bagi acara-acara Lontar Peluru dan Lempar Cakera. Pada tahun 2003, dia berjaya merangkul Pingat Emas bagi acara Melontar Peluru di Second ASEAN Para Games Hanoi, Vietnam.

Di peringkat antarabangsa dia pernah dipilih dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Atlit Negara-negara Asia di dalam Majlis Paralympic Dunia di antara tahun-tahun 1996 sehingga 2000. Di dalam negara pula pada tahun 1984 dia mula mengasas dan menggerakkan usaha ke hala menubuhkan persatuan sukan khusus untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Selepas 2 tahun bertungkus-lumus dan bersusah-payah, pada tahun 1986 persatuan yang diusahakannya akhirnya berjaya direalisasi dan dirasmikan atas nama Kesatuan Sukan Orang-orang Cacat Malaysia. Dia telah dipilih dan dilantik sebagai Presiden di setiap kali mesyuarat agungnya yang diadakan 2 tahun sekali bermula tahun 1986 sehinggalah sekarang. Dia juga merupakan salah seorang pengasas penubuhan Persatuan Juruurut Kelayakan Kuala Lumpur/Selangor dan dia juga adalah Presidennya sejak dirasmikan penubuhannya pada tahun 2003. Dia juga ahli terawal pada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kuala Lumpur/Selangor dan pernah bergiat aktif di antara tahun-tahun 1979 - 1987 di dalam pertubuhan itu. Dia pernah menyandang jawatan Pengerusi cawangan itu pada awal tahun 1980an. Sehingga kini pun dia masih lagi menjadi ahli biasa pada pertubuhan tersebut.